

Kembara Nusantara 2025: Harimau Malaya



MK @Springdale

Tadika 1 Kelas Pagi & Petang

Slaid dihasilkan oleh: Cikgu Yani

Apakah Haiwan Nusantara pilihan kami?

Pada permulaan projek ini, pendedahan dilaksanakan terhadap beberapa haiwan yang terdapat di Nusantara seperti Gajah, Kancil, Harimau, Orangutan, Memerang kecil. Kanak-kanak berbincang mengenai ciri-ciri fizikal, kebolehan (seperti memanjat dan berenang), gaya pemakanan serta habitat mereka.

Di antara haiwan-haiwan Nusantara yang telah diperkenalkan, kanak-kanak menunjukkan minat terhadap Harimau Malaya.



Orangutan duduk di atas batang kayu.



Harimau baring di atas batang kayu.



Memerang Kecil.



Memerang Kecil makan ikan.



Apa yang saya tahu...



Indaya

Harimau boleh lari.



Ghafar

Harimau "roar"!



Marwah

Saya lihat
harimau di taman
haiwan!



Aleesa

Harimau makan
daging.



Zeid

Ada harimau putih!



Adam

Harimau Malaya
warna jingga!



Eriqa

Harimau makan
daging.



Ammar

Harimau garang!



Danniyal & Sumaiyya


Harimau "roar"
kuat!



Zidane

"Roar"!

Saya ingin tahu...



Rihanna

Macam mana harimau
cari makan?



Aidan

Harimau makan
daging *only*?



Myesha

Saya nak pergi
Taman Haiwan to
see harimau!



Aaryan

Harimau *only*
tinggal di hutan?



Yrshad

Macam mana
harimau *live*?




Hana

At Taman Haiwan,
macam mana harimau
dapat makanan?



Nafiz

Nak *make* lagu
harimau!



Aura

Nak cat kraf
harimau!



'Adawiyah

Nak buat kraf
harimau!



Zayn

Nak lihat harimau!

Menonton video, perbincangan dan pemerhatian!

Kanak-kanak menonton video untuk mempelajari dengan lebih lanjut mengenai Harimau Malaya. Sambil menonton, mereka melibatkan diri dalam perbincangan.

Melalui video yang ditonton, kanak-kanak mempelajari jenis-jenis harimau yang masih wujud di dunia ini. Kanak-kanak juga mengenal pasti perbezaan warna kulit dan belang di antara harimau-harimau tersebut.

Kanak-kanak turut mempelajari habitat harimau iaitu hutan rimba dan paya bakau yang terdapat pokok-pokok, batu, batang kayu dan sungai. Selain itu, kanak-kanak juga mengenal pasti kebolehan harimau iaitu melompat, berlari dan berenang.

Tambahan, kanak-kanak juga mengenal pasti sumber utama pemakanan harimau seperti arnab, kancil dan kadangkala, beruang. Kanak-kanak mempelajari bahawa harimau akan memburu haiwan-haiwan ini untuk dijadikan makanan jika harimau berada di hutan rimba. Jika harimau tinggal di Taman Haiwan, harimau akan diberikan makanan oleh penjaga haiwan dari jauh sahaja untuk keselamatan diri.

Harimau Emas
belang coklat.

Harimau
memburu.

Harimau Malaya
kulit jingga. Ada
belang hitam.

Harimau
makan daging.

Harimau
Putih belang
dia hitam.

Harimau
berenang di
sungai!

Lagu 'Harimau Malaya'

Setelah kanak-kanak mempelajari ciri-ciri fizikal Harimau Malaya dan kebolehan Harimau Malaya, mereka memikirkan seni kata untuk lagu tema projek Kembara Nusantara mereka iaitu 'Harimau Malaya'. Kanak-kanak turut berusaha untuk memikirkan pergerakan untuk dilakukan sambil menyanyikan lagu tersebut.

Kanak-kanak sangat seronok dapat menyanyi dan menari kepada lagu hasil ciptaan mereka!



'Harimau Malaya'

(rentak lagu 'Baby Shark')

Harimau sangat comel
Harimau sangat comel
Harimau sangat comel
Harimau

Warna jingga jingga jingga
Belang hitam hitam hitam
Harimau sangat comel
Harimau

Harimau sangat comel
Harimau sangat comel
Harimau sangat comel
Aum!



mp4



mp3



mp4



mp3

Sila imbas kod QR
untuk menonton
video kanak-kanak.

K1 AM_Lagu
Harimau Malaya

K1 PM_Lagu
Harimau Malaya

Melukis Habitat Harimau Malaya

Setelah kanak-kanak mempelajari bahawa Harimau Malaya hidup di hutan rimba dan paya bakau, mereka melukis habitat Harimau Malaya.



Ada sungai!
Harimau boleh
berenang!

Harimau Malaya
tinggal di hutan
rimba!



Saya lukis
rumput!










Ini
pokok!



Inilah Lukisan kami!

Kanak-kanak sangat bangga dengan hasil lukisan mereka yang penuh dengan kreativiti!



Kraf Harimau Malaya

Setelah kanak-kanak memerhatikan ciri-ciri fizikal Harimau Malaya, mereka menghasilkan kraf Harimau Malaya dengan menggunakan bahan-bahan kitar semula.

Kanak-kanak sangat teliti sewaktu mengecat dan mencantumkan setiap anggota badan Harimau Malaya. Kanak-kanak juga memaparkan sikap bekerjasama sewaktu menghasilkan kraf tersebut bersama kumpulan masing-masing!



Saya cat
warna jingga!




Kulit jingga!



Saya tampal
telinga harimau!





Harimau ada
empat kaki!



Belang hitam!



Hasil Kraf Harimau Malaya



Lawatan Lapangan ke Taman Haiwan Singapura

Setelah menimba ilmu mengenai Harimau Malaya di dalam bilik darjah, kanak-kanak berpeluang untuk berkunjung ke Taman Haiwan Singapura. Lawatan lapangan ini memberi peluang kepada kanak-kanak untuk mengaplikasikan apa yang mereka telah pelajari di dalam kelas.

Kanak-kanak dapat menyaksikan aksi Harimau Malaya di hadapan mereka! Mereka juga memerhatikan persamaan antara hutan rimba dan persekitaran pameran Harimau Malaya. Mereka juga sungguh seronok bermain pelbagai aktiviti yang disediakan di pameran Harimau Malaya sambil menimba ilmu baharu.

Kanak-kanak turut berpeluang untuk memerhatikan haiwan-haiwan lain semasa menuju ke pameran Harimau Malaya.



Harimau Malaya berenang!



Ada sungai!!



Macam hutan rimba!



Bunyi harimau mengaum!



Ini Ungka!



Ini Burung Undan!



Lawatan Lapangan ke Taman Haiwan Singapura




Yay dah nampak harimau!



Hai Memerang Kecil!




Eh, ada ikan!



Saya dah habis buat!



Cantiknya Burung Undan!



Perkongsian akan Pemerhatian semasa Lawatan Lapangan ke Taman Haiwan Singapura

Kanak-kanak melihat gambar-gambar yang diambil semasa Lawatan Lapangan ke Taman Haiwan Singapura. Mereka berkongsi pemerhatian mereka serta ilmu baharu yang diraih semasa berkunjung ke Taman Haiwan Singapura.



Ada Ungka!



Saya lihat Burung Undan!



Ada ikan pun!



Saya tekan butang!
Ada bunyi harimau!



Harimau Malaya berenang!

Unjuk dan Ujar:

Kraf Habitat Harimau Malaya (Aktiviti Bersama Keluarga)

Para keluarga digalakkan untuk menghasilkan kraf Habitat Harimau Malaya bersama kanak-kanak di rumah. Kemudian, kanak-kanak berkongsi hasil kraf masing-masing di hadapan kelas semasa sesi Unjuk dan Ujar.

Kanak-kanak begitu bangga berkongsi hasil kraf Habitat Harimau Malaya masing-masing. Mereka turut seronok menceritakan proses penghasilan kraf masing-masing yang dihasilkan bersama ahli keluarga. Kanak-kanak juga memaparkan kebolehan untuk menjawab soalan rakan-rakan mereka berdasarkan konteks yang sesudi.




Ada sungai.
Harimau
boleh mandi.



Ini hutan rimba.



Ini pokok.



Saya tampal
batu kecil.




Unjuk dan Ujar:

Kraf Habitat Harimau Malaya (Aktiviti Bersama Keluarga)



Saya cat.



Ini rumput.
Harimau berjalan.



Harimau Malaya
berjalan.



Unjuk dan Ujar:

Kraf Habitat Harimau Malaya (Aktiviti Bersama Keluarga)



Harimau nak mandi.




Saya gunda gam.




Ada empat
Harimau Malaya.



Hasil Kraf Habitat Harimau Malaya (Aktiviti Bersama Keluarga)



Hasil Kraf Habitat Harimau Malaya (Aktiviti Bersama Keluarga)



Aktiviti

“Ini bukan kain. Ini _____.”

Berdasarkan pemerhatian kanak-kanak terhadap Harimau Malaya semasa di Taman Haiwan Singapura, kanak-kanak melibatkan diri dalam aktiviti “Ini bukan kain. Ini _____.”

Dalam aktiviti ini, kanak-kanak mengimbas kembali aksi-aksi yang boleh dilakukan oleh Harimau Malaya. Seperti contoh, berenang, berbaring, berlari dan melompat.

Kemudian, kanak-kanak didedahkan kepada struktur ayat “Ini bukan kain. Ini _____.” Kanak-kanak harus membayangkan kain yang diberikan oleh guru telah bertukar menjadi sesuatu benda yang berbeza, yang kini digunakan oleh Harimau Malaya untuk melakukan sesuatu aksi.

Seperti contoh, “Ini bukan kain. Ini batang kayu.” “Harimau berbaring di atas batang kayu.”


Kanak-kanak begitu seronok melibatkan diri dalam aktiviti ini! Mereka berpeluang untuk menguji minda mereka sambil memperluas rentang kosa kata masing-masing!



“Ini bukan kain. Ini
batang kayu.”



“Harimau
berbaring di atas
batang kayu.”



“Harimau
berenang di
sungai.”



Aktiviti

“Ini bukan kain. Ini _____.”

“Ini bukan kain.
Ini sungai.”



“Harimau mandi di
sungai.”



“Harimau berenang
di sungai.”



Apa yang saya sudah tahu...



Rihanna

Harimau berjalan.



Ghafar

Harimau makan daging. Harimau melompat.



Indaya

Harimau tinggal di hutan rimba.




Yrshad

Harimau berlari.



Adam

Harimau berjalan dan berlari. Ada Harimau Emas.



Aidan

Hutan rimba ada *many* pokok. Harimau berenang.



Aaryan

Harimau pun makan beruang!



Marwah

Harimau makan Kancil! Warna jingga, belang hitam.



Myesha

Harimau mandi di sungai.



Aura

Harimau Putih dah tak ada at Taman Haiwan.